

Najib nasihat wakil rakyat jaga perlakuan

UM - 19/6/2007

KUALA LUMPUR 18 Jun - Jaga tutur kata dan perlakuan.

Itulah nasihat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kepada anggota Parlimen dan Senator daripada Barisan Nasional agar mereka berhati-hati ketika berbahas semasa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Najib yang juga Ketua Whip BN, menasihatkan anggota Parlimen supaya tidak menyentuh isu-isu sensitif bagi mengelak mereka daripada terkeluar daripada tajuk perbincangan jika tersalah memilih perka-

taan.

"Pada mesyuarat itu beliau turut menasihatkan anggota Parlimen BN supaya tidak mudah terbawa-bawa dengan pihak pembangkang sebaliknya perlu berhati-hati ketika berbahas," kata **Datuk Idris Haron (BN-Batu Tangga)** ketika diminta mengulas mengenai mesyuarat yang diadakan setiap kali sesi Parlimen diadakan.

Teguran Najib itu dipercayai dibuat ekoran isu daripada penggunaan perkataan 'bocor' oleh **Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan)** dan **Datuk Mohd Said**

Yusof (BN-Jasin) pada sesi Parlimen yang lepas yang ditujukan kepada seorang anggota Parlimen wanita daripada DAP.

Kedua-dua penyokong kerajaan itu, yang ketika itu membahaskan mengenai kebocoran bumbung bangunan Parlimen, mengaitkan kebocoran itu kepada **Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah)**.

Penggunaan perkataan itu dibantah beberapa persatuan wanita menyebabkan Bung Mokhtar dan Mohd Said memohon maaf secara terbuka.

Bung Mohtar, yang ditemui hari ini,

berkata beliau telah mengambil kesempatan daripada pertemuan hari ini untuk menjelaskan mengenai isu itu.

Beliau turut menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap beberapa anggota Parlimen kerajaan yang menyelarnya secara terbuka.

"Saya rasa lebih baik kalau para Senator hubungi kami dan bertanya, daripada bawa perkara ini dalam Dewan Negara. Ini macam menyokong isu yang sengaja dibesarkan oleh pihak pembangkang," katanya.

- Bernama